

# MPU 23142

# Pendidikan Moral



## Sosialisasi & Pembentukan Tabiat Moral

SITI KHATIJAH BINTI SAID  
NOR HASNIATI BINTI ABDULLAH @ MAHMUD

Pengajian Am

# **MPU23142 PENDIDIKAN MORAL: SOSIALISASI DAN PEMBENTUKAN TABIAT MORAL**

Siti Khatijah binti Said

Nor Hasniati binti Abdullah @ Mahmud

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
Kata-kata aluan Tuan Pengarah	i
Kata-kata aluan ketua Jabatan Pengajian Am	ii
<i>Copyright</i>	iii
Prakata	iv
Abstrak	v
Sinopsis	vi
TOPIK 4: Sosialisasi Dan Pembentukan Tabiat Moral	
Hasil Pembelajaran	1
4.1 Norma-norma Sosial dan Kawalan Sosial	2
4.2 Peranan Agen-agen Sosialisasi	15
4.2.1 Keluarga	16
4.2.2 Sekolah	20
4.2.3 Agama	21
4.2.4 Media Massa	23
4.2.5 Rakan Sebaya	23
4.3 Latihan Pengukuhan	
4.3.1 Latihan Pengukuhan 1	26
4.3.2 Latihan Pengukuhan 2	29
4.3.3 Latihan Pengukuhan 3	31
4.3.4 Latihan Pengukuhan 4	32
Rujukan	34

## KATA-KATA ALUAN PENGARAH




Alhamdulillah , Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia dan izinNya serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammmad SAW.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Ketua Jabatan, Ketua Kursus Pendidikan Islam, Ketua Editor, Perekabentuk grafik dan Pensyarah Unit Pendidikan Islam, yang terlibat di atas usaha mereka dalam menghasilkan penerbitan e-Book untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bagi Kursus Unit Pendidikan Islam dengan jayanya. Syabas sekali lagi diucapkan kepada mereka yang terlibat, kerana bertungkus lumus membuat penambahanbaikan isi kandungan, memasukkan pelbagai bentuk grafik yang kreatif seiring dengan perubahan silibus terkini.

Saya percaya bahawa penghasilan e-Book yang dikenali sebagai Buku Elektronik ini akan mampu memenuhi silibus bagi pelajar-pelajar di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin khususnya dan seluruh politeknik Malaysia amnya. Saya juga amat yakin, pembelajaran melalui kaedah ini akan menjadi lebih berkesan apabila ia dipacu dengan pengajaran yang berkualiti oleh pensyarah lebih-lebih lagi dengan penerbitan dan penggunaan e-Book seperti ini. Justeru itu, e-Book ini insyaAllah akan menjadi salah satu rujukan penting bagi semua pelajar yang mengambil kursus-kursus berkenaan.

Dalam menghadapi era pembangunan pendidikan yang semakin mencabar , Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa menilai dan melakukan penambahanbaikan dalam mencorak sistem pendidikan yang lebih dinamik. Transformasi pendidikan merupakan agenda utama kementerian dalam mengolah strategi pengajaran agar lebih berkesan dengan pendekatan *Outcome Based Education (OBE)* . Dengan penerbitan e-Book ini, ia menjadi salah satu usaha ke arah pencapaian hasrat dan cita-cita tersebut.

Akhir kata, sekali lagi ucapan tahniah dan syabas kepada pensyarah Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am yang terlibat dengan penghasilan e-Book ini. Saya berharap komitmen yang tinggi ini akan berterusan dan akan mendapat sokongan dari semua warga politeknik. Semoga ianya menjadi wadah terbaik untuk melahirkan insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu dan keunggulan sahsiah agar dapat merealisasikan aspirasi negara dalam melahirkan para graduan yang mempunyai daya saing yang tinggi.

  
Sr. HAJI MOHD FIKRI BIN ISMAIL  
Pengarah  
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin,

KATA-KATA ALUAN  
KETUA JABATAN PENGAJIAN AM



Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya, Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am (JPA) berjaya menerbitkan e-Book MPU23142 Pendidikan Moral yang dikenali sebagai Buku Elektronik. Penerbitan e-Book ini juga merupakan usaha bersama antara Puan Siti Khatijah binti said dan Puan Nor Hasniati binti Abdullah@ Mahmud dalam usaha untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui kaedah mengakses bahan pembelajaran melalui *online*.

Dengan penghasilan e-Book ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan yang berguna kepada semua pembaca terutama pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin khususnya dan seluruh warga politeknik Malaysia amnya. Penulisan e-Book ini adalah merupakan hasil usaha pensyarah yang sentiasa komited selaras dengan perubahan kurikulum terkini yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pensyarah yang terlibat kerana berusaha keras dalam menyiapkan e-Book ini. Saya percaya, segala usaha baik dan murni ini akan mendapat balasan serta ganjaran di sisi Allah SWT kelak.


Saya menghargai komitmen yang diberikan oleh pensyarah sehingga berjaya menghasilkan e-Book dengan memuatkan pelbagai isi yang padat serta pelbagai grafik yang kreatif bagi menarik minat pelajar. Semoga usaha ini memberi banyak manfaat kepada semua pembaca khususnya pelajar-pelajar Politeknik yang mengambil kursus MPU23142 Pendidikan Moral.

Akhir kata, saya berharap agar penerbitan e-Book ini akan memberi satu impak kepada usaha murni Jabatan Pengajian Am dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam arus modenisasi global. Sekian terima kasih.

Wassalam.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Norsaliza Binti Osman".

NORSALIZA BINTI OSMAN  
Ketua Jabatan Pengajian Am  
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin



**Penulis**

*Siti Khatijah binti Said*

*Nor Hasniati binti Abdullah @ Mahmud*

**Rekabentuk Grafik/ Ketua Editor**

*Norita binti Abd Aziz*

**JABATAN PENGAJIAN AM**

**POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KM08, JALAN PAKA,  
23000 DUNGUN, TERENGGANU.

No. Telefon : (09) 840 0800

No. Faksimili : (09) 845 8781

Laman Sesawang: <https://psmza.mypolycc.edu.my/>

e ISBN 978-967-2099-68-0

Semua hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman semula dan sebagainya tanpa izin terlebih dahulu daripada Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Siti Khatijah Said, 1983-

MPU23142 PENDIDIKAN MORAL : SOSIALISASI DAN PEMBENTUKAN

TABIAT MORAL / Siti Khatijah binti Said, Nor Hasniati binti Abdullah @

Mahmud.Mode of access: Internet eISBN 978-967-2099-68-0

1. Moral education.

2. Socialization.

3. Government publications--Malaysia.

4. Electronic books.

I. Nor Hasniati Abdullah@Mahmud, 1974-. II. Judul.

370.114

**Diterbit oleh:**

Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin  
Kementerian Pengajian Tinggi

## PRAKATA

Selaut kesyukuran kepada Tuhan Semesta Alam atas nikmat yang diberikan sehingga kami berjaya menyiapkan sebuah e-Book untuk rujukan semua. Selawat dan salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W untuk setiap pengorbanan agar kami dapat mengecapi agama yang kami anuti ini.

Pendidikan Moral adalah satu mata pelajaran yang menggabungjalinkan antara yang aspek kerohanian, kemanusiaan serta kemasyarakatan. Ini adalah kerana kepelbagaiannya agama, tradisi dan adat resam penduduk berbilang kaum di Malaysia. Pendidikan Moral bukan sekadar pembelajaran berbentuk teori semata-mata namun disusuli dengan aplikasi dari segi pemupukan, penghayatan malah amalan nilai-nilai murni yang berfokus.

Pemupukan dan menghayati nilai-nilai moral disasarkan ke arah pembentukan insan yang mulia dan bertanggungjawab yang selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Masyarakat yang berilmu, bertatasusila, berbudi dan penyayang akan memenuhi hasrat negara bagi mewujudkan masyarakat yang aman dan kondusif.

Kursus ini adalah satu daripada kursus teras dalam kurikulum politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang diwajibkan kepada pelajar-pelajar bukan Islam. Pastinya ia adalah lanjutan daripada pelajaran Pendidikan Moral di peringkat menengah dan rendah yang berperanan bagi memantapkan amalan serta tingkahlaku moral yang telah disemai sebelum ini.

Buku yang dicipta dalam bentuk elektronik (e-Book) dihasratkan agar mampu menjadi rujukan bukan hanya kepada tenaga pengajar malah pelajar-pelajar yang tercari-cari rujukan khusus dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Pn. Norita binti Abd Aziz selaku editor yang telah banyak memberikan tunjuk ajar serta bimbingan dalam menyiapkan e-book ini. Terima kasih juga kepada Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Dungun kerana memberi ruang kepada kami sehingga terhasilnya e-book yang bagi kegunaan dalam proses Pengajaran dan pembelajaran yang lebih mapan.

Siti Khatijah binti Said  
Nor Hasniati binti Abdullah @ Mahmud

## **ABSTRAK**

Sosialisasi dan Pembentukan Tabiat Moral merupakan satu topik penting daripada lima topik yang dibincangkan di dalam kursus Pendidikan Moral (MPU23142). Kursus ini merupakan subjek wajib bagi pelajar non-muslim semester dua di bawah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. e-Book yang disiapkan ini membincangkan tentang sosialisasi dan proses serta kawalan sosialisasi agar mampu memantapkan peribadi serta sahsiah pelajar sebagaimana yang dihasratkan.

Norma Sosial serta Kawalan Sosial adalah panduan dan penghalang daripada perlakunya perbuatan yang mengundang permasalahan dalam masyarakat. Bentuk-bentuk Kawalan Sosial sama ada secara formal, tidak formal, positif dan juga positif banyak menyumbang kepada wujudnya peribadi yang selari dengan kehendak masyarakat. Agen-agen sosial turut memainkan peranan yang amat penting supaya pembentukan nilai-nilai murni sejajar dengan matlamat bagi melahirkan insan-insan yang mampu berinteraksi dengan baik dalam kelompok masyarakat.

e-Book ini disertakan carta-carta dan ringkasan nota-nota serta soalan-soalan latihan bagi menguji kefahaman tentang topik yang dibincangkan. Hasil daripada e-Book yang disediakan ini diharapkan dapat menarik minat pelajar dan dapat menerangkan setiap sub-topik bagi topik ini. Moga e-Book yang dihasilkan ini mencapai tujuan untuk memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran seiring peredaran masa.

Kata kunci: *Sosialisasi, Pembentukan Tabiat Sosial, Norma Sosial, Kawalan Sosial, Bentuk Kawalan Sosial, Agen Sosial*

## SINOPSIS

Sosialisasi dan Pembentukan Tabiat Moral merupakan satu topik penting daripada lima topik yang dibincangkan di dalam modul Pendidikan Moral (MPU23142). Sosialisasi dilihat sebagai wadah yang penting dalam membentuk personaliti insan yang mampu berada di dalam kelompok masyarakat yang harmonis. Sosialisasi merupakan proses interaksi sosial yang mampu mengubah biologikal insan.

Norma Sosial dan Kawalan Sosial mendedahkan kepada umum kebiasaan yang telah menjadi tabiat malah diguna pakai sebagai rutin sehari-hari. Persekutuan dan masyarakat memberikan pengaruh yang besar kepada norma dan kawalan tersebut. Kawalan Sosial sama ada yang berbentuk positif atau negatif berupaya melahirkan modal insan yang disegani. Kawalan Sosial dianggap sebagai fungsi kepada sosialisasi.

Bentuk-bentuk Kawalan Sosial disusun dalam bentuk formal dan tidak formal malah digarap juga dalam bentuk negatif juga positif. Matlamatnya adalah mensasarkan manusia yang patuh kepada peraturan dan undang-undang. Kawalan yang relevan dan realistik diterima oleh masyarakat malah ia dikekalkan selagi mampu membentung permasalahan yang wujud. Kesinambungan kawalan tersebut diteruskan dari satu generasi ke generasi yang lain dengan memurnikannya jika perlu.

Agen-agen sosial akan mengalami proses perubahan seiring peredaran masa. Tidak dapat dinafikan bahawa proses sosialisasi turut mengalami perkembangan yang diaplikasikan dalam kehidupan. Agen-agen sosialisasi sentiasa memberikan impak kepada proses sosialisasi yang dari sisi yang baik dan juga buruk. Agensi kerajaan sebagai contohnya dilihat sebagai pemangkin dalam memajukan rakyat dan dalam masa yang sama agen-agen sosialisasi yang lain memainkan peranan yang penting dalam melahirkan masyarakat yang harmoni.

Tuntasnya, komitmen yang jitu dari semua pihak dilihat amat penting dan besar dalam memastikan hasrat sosialisasi yang sihat tercapai. Kerjasama dan gabungjalin antara badan kerajaan, masyarakat, keluarga dan juga agama yang dipegang amat bererti. Adalah diharapkan agar masalah sosial mampu dibendung dan setiap permasalahan yang timbul dapat ditangani.

## NAMA KURSUS: PENDIDIKAN MORAL

### HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (CLO)

Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

CLO3 : Menghubungkait minda ingin tahu terhadap isu dan cabaran dalam membentuk negara dan masyarakat (A4, CLS 4)

#### 4.0 Sosialisasi Dan Pembentukan Tabiat Moral

- 4.1 Mengenal pasti norma-norma sosial dan kawalan sosial
- 4.2 Menghuraikan peranan agen-agen sosialisasi
  - 4.2.1 Keluarga
  - 4.2.2 Sekolah
  - 4.2.3 Agama
  - 4.2.4 Media Massa
  - 4.2.5 Rakan Sebaya

Kaedah Pengajaran : Syarahan/ Pembentangan

Kaedah Penilaian : e-Folio

## **SOSIALISASI DAN PEMBENTUKAN TABIAT MORAL**

### **Pengenalan**

Sosialisasi adalah proses di mana seseorang individu mempelajari dan menerima nilai, sikap, kemahiran yang dipunyai oleh masyarakat bagi membentuk personalitinya yang tersendiri untuk menjadi masyarakat tersebut. Sosialisasi ialah proses seumur hidup. Tanpa sosialisasi seseorang tidak dapat berinteraksi, bekerja sebagai satu kumpulan atau melakukan kawalan diri. Seseorang bukan sahaja menolong seseorang memainkan peranan sosialnya dengan sempurna tetapi secara keseluruhannya ia boleh dikatakan sebagai alat untuk mengekalkan kumpulan dan masyarakat. Idea-idea, nilai-nilai dan pola-pola tingkah laku yang menyatukan masyarakat terus kekal walaupun ahli-ahlinya berganti. Sosialisasi berlaku secara sedar atau tidak sedar. Ramai ahli sosiologi berpendapat bahawa kita menjadi manusia melalui proses interaksi sosial atau sosialisasi kerana ia mengubah organisasi biologikal kepada insan sosial.

### **Norma-Norma Sosial Dan Kawalan Sosial**

#### **Norma Sosial**

Norma Sosial adalah kebiasaan umum yang menjadi perilaku dalam suatu kelompok masyarakat dan batasan wilayah tertentu. Norma akan berkembang seiring dengan penerimaan sosial masyarakatnya. Ia juga disebut dengan peraturan sosial. Norma berkaitan dengan tingkah laku yang menjadi rutin dalam menjalani interaksi sosial.

Kewujudan norma dalam masyarakat bersifat memaksa individu atau suatu kelompok agar bertindak sesuai dengan aturan sosial yang terbentuk. Pada dasarnya, norma disusun agar hubungan di antara manusia dalam masyarakat dapat dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang diharapkan.

Norma tidak boleh dilanggar. Sesiapa yang melanggar norma atau tingkah laku sesuai dengan ketentuan yang tercantum dalam norma itu akan dikenakan hukuman. Contohnya, bagi pelajar yang datang lewat tidak dibenarkan memasuki kuliah. Pada awalnya, aturan ini dibentuk secara tidak sengaja namun lama kelamaan ia disusun atau dibentuk secara sedar. Norma dalam masyarakat mengandungi tata tertib, aturan dan petunjuk, penanda aras serta perilaku yang pantas atau wajar.

Norma Sosial merupakan kelakuan ukuran atau kebiasaan (*standard*) yang dimiliki oleh anggota sesuatu kumpulan serta anggota kumpulan itu dijangka akan mematuhi. Sebagai tingkah laku yang menjadi kelaziman, Norma Sosial merupakan peraturan yang ditentukan dan dipersetujui oleh sebahagian besar anggota masyarakat dengan mengambil kira mengenai munasabah atau tidaknya tingkah laku itu. Norma Sosial boleh dianggap sebagai suatu garis panduan bagi anggota masyarakat bertenaga laku mengikut sesuatu situasi. Beberapa Norma Sosial yang diterima oleh kebanyakan masyarakat ialah seperti larangan terhadap perlakuan membunuh, merogol, mencuri dan merompak. Tanpa Norma Sosial sistem masyarakat akan terganggu atau menjadi kacau-bilau.

Norma Sosial wujud akibat dari interaksi sosial. Ia mencerminkan jangkaan dan harapan bersama mengenai tingkahlaku yang diingini dalam sesuatu kelompok. Norma Sosial dipelajari melalui proses sosialisasi dan penghayatan. Norma Sosial bukannya sesuatu yang tetap. Ia berubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan masyarakat. Pengetahuan yang baru dan keadaan yang berubah boleh menyebabkan berkembangnya norma-norma baru.

Peringkat Norma Sosial terbahagi kepada empat:

#### CARA (USAGE)

- Cara adalah suatu bentuk perbuatan tertentu yang dilakukan individu dalam suatu masyarakat tetapi tidak secara terus menerus.
- Contohnya ialah cara makan yang wajar dan baik apabila tidak mengeluarkan suara seperti haiwan.

#### KEBIASAAN (FOLKWAYS)

- Kebiasaan merupakan suatu bentuk perbuatan yang berulang kali dengan bentuk yang sama serta dilakukan secara sedar dan mempunyai tujuan-tujuan jelas malah dianggap baik juga benar.
- Contohnya memberi hadiah kepada orang-orang yang berprestasi dalam suatu kegiatan atau kedudukan atau memakai baju yang sesuai mengikut suasana semasa. Contoh lain ialah amalan menunggu di barisan untuk membayar barang di kaunter.

## **TINGKAH LAKU ATAU KELAKUAN (MORES)**

- Tingkah laku atau tata kelakuan adalah sekumpulan perbuatan yang mencerminkan sifat-sifat hidup dari sekelompok manusia yang dilakukan secara sedar bagi melaksanakan pengawasan oleh sekelompok masyarakat terhadap anggota-anggotanya.
- Tata kelakuan terdapat unsur paksaan atau larangan.
- Kepercayaan bahawa bentuk diskriminasi dan penindasan adalah tidak beretika adalah satu lagi contoh yang lebih penting dalam banyak masyarakat hari ini.
- Contoh lain adalah larangan pembunuhan, pemerkosaan atau menikahi saudara kandung

## **ADAT ISTIADAT (CUSTOM)**

- Adat istiadat adalah kumpulan tata kelakuan yang paling tinggi kedudukannya kerana bersifat kekal dan terintegrasi sangat kuat terhadap masyarakat yang memilikinya.

Norma Sosial mempunyai beberapa ciri-ciri seperti berikut:

**Norma Sosial Pada Umumnya Tidak Tertulis**


Norma Sosial tidak tertulis yang hanya diingat dan diserap serta mempraktikkannya dalam interaksi anggota kelompok masyarakat.

**Hasil Kesepakatan Bersama**

Sebagai peraturan sosial yang ditugaskan untuk mengarahkan perilaku seluruh anggota masyarakat. Norma Sosial dibentuk dan disepakati bersama seluruh warga masyarakat.

**Mengalami Perubahan**

Sebagai aturan yang lahir daripada proses interaksi sosial di masyarakat, norma mengalami perubahan sesuai atas keinginan dan keperluan dari anggota masyarakat itu sendiri.



**Ditaati bersama**

Norma Sosial merupakan satu peringkat aturan sosial untuk mengarahkan dan membentuk perilaku anggota masyarakat untuk keinginan bersama. Oleh sebab itu, norma didukung dan ditaati bersama.

**Pelanggar Norma  
Mendapatkan Saksi**

Norma Sosial bersifat memaksa individu agar berperilaku untuk sesuai dengan kehendak bersama. Pelanggaran akan dikenakan denda dengan tindakan atau daya ikatan norma.

## Kawalan Sosial

Perubahan masyarakat pada setiap zaman menyebabkan proses sosial turut berubah dengan mengundang pelbagai implikasi. Hasilnya ketidakseimbangan wujud dalam aturan sosial yang menyimpang daripada kebiasaan. Norma sosial perlu ada elemen kawalan yang menepati piawai tertentu bagi memperkuatkannya yang dikenali sebagai Kawalan Sosial. Kawalan Sosial mempunyai pelbagai fungsi seperti menghukum, mendisiplin, menangkis, membala, mendidik, memulihkan dan mensosialisasikan.

Kawalan Sosial berperanan sebagai aspek dalam masyarakat yang melindungi Norma Sosial. Kawalan Sosial digunakan oleh masyarakat untuk


mempengaruhi tingkah laku ahlinya supaya mereka mematuhi norma-norma sosial, tradisi dan pola-pola tingkah laku yang penting bagi melicinkan perjalanan masyarakat itu. Kawalan Sosial boleh bercorak positif atau negatif dan kedua-dua bentuk ini juga boleh bersifat formal atau tidak formal. Matlamat utama kawalan sosial ialah untuk menentukan kedudukan seseorang dalam kumpulannya melalui nilai dan *folkways*.

Roucek mengatakan bahawa kawalan sosial ialah:

*"A collective term for those process, planned or unplanned, by which individual are thought, persuaded, or compelled to conform to the usages and life-values of groups"*

(Roucek, 1956:3)

### Bentuk-Bentuk Kawalan Sosial



## **Kawalan Sosial Positif**

Kawalan Sosial Positif adalah ganjaran yang diterima oleh seseorang yang mematuhi apa yang diharapkan oleh masyarakat. Ganjaran yang diberi boleh jadi dalam bentuk senyuman, hadiah, kenaikan gaji, pangkat atau pemberian pingat untuk menunjukkan seseorang itu telah berjasa kepada masyarakat dan negara. Satu bentuk kawalan sosial yang lebih asas adalah bergantung kepada penghayatan individu mengenai norma sosial, nilai dan jangkaan penghayatan individu mengenai norma sosial, nilai dan jangkaan peranannya melalui proses sosialisasi. Akibat daripada proses ini, individu didorong untuk mematuhi norma-norma sosial yang dipercayainya.

## **Kawalan Sosial Negatif**

Kawalan Sosial Negatif adalah berdasarkan kepada amaran serta ancaman terhadap hukuman. Ketakutan terhadap hukuman seperti denda, penjara, kesakitan, kematian dan sebagainya diandaikan dapat menghalang individu daripada melakukan tingkah laku yang tidak diingini atau ditegah oleh masyarakat.

## JENIS KAWALAN SOSIAL NEGATIF

## CONTOH

## CATATAN

Kekerasan fizikal	Merotan, memukul, ancam	Cara yang paling lama digunakan oleh manusia
Tekanan ekonomi	Seseorang tidak diberi peluang untuk mendapatkan keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian dan	Akur kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk kelangsungan hidup
Cemuhan atau kritikan	Kanak-kanak akur untuk elak diri daripada dikritik atau menjadi bahan ketawa rakan-rakan Orang dewasa patuh bagi menjaga pandangan masyarakat kepada mereka	Patuh demi maruah
Pujukan kumpulan	Individu didapati cenderung untuk menukar pendapat asalnya supaya pendapatnya sesuai atau hampir sama dengan pendapat kumpulan	pendorong untuk individu serta timbul keinsafan pada diri individu
Pemulauan	Tidak menegur atau menjauhkan diri dengan hantar ke tempat asing seperti pulau	Ketakutan pemulauan ini membuatkan seseorang patuh

## Kawalan Sosial Formal

Kawalan Sosial Formal melibatkan sistem tatacara dan sistem autoriti seperti peraturan, undang-undang dan peranan agen-agen seperti polis, mahkamah, pusat tahanan atau pusat kebijakan masyarakat (Rokiah Ismail, 2002: 90).

Kawalan Sosial Formal adalah dalam bentuk undang-undang yang telah diaktakan oleh pihak berkuasa. Ia bersifat rasmi dan perlu dipatuhi oleh penduduk di wilayah tersebut. Sistem keadilan jenayah adalah satu sistem kawalan sosial rasmi. Agen-agen kawalan sosial sistem keadilan jenayah bertindak balas terhadap pelanggaran undang-undang jenayah sahaja. Antara komponen sistem keadilan jenayah ialah polis, mahkamah dan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah (Fuller J.R, 1998). Setiap komponen dalam sistem keadilan jenayah mempunyai bidang kuasa tersendiri dan kuasa tersebut hanya sah dalam bidang-bidang yang diperuntukkan sahaja.



### Tambahan



**Aktiviti**  
**Pelajar diminta untuk membentuk kumpulan dan membincangkan Bentuk-Bentuk Kawalan Sosial bersama ahli kumpulan**



## AGEN KAWALAN SOSIAL FORMAL

### PERANAN

### CATATAN

Polis

Menangkap, menyampaikan maklumat jenayah kepada ketua dan mana-mana pegawai yang tugasnya mencegah, mengambil tindakan undang-undang, dan mencegah seseorang daripada merosakkan harta orang ramai

Agen kawalan sosial rasmi yang utama dalam masyarakat keadilan

Mahkamah

Pengantara di mana perbezaan dan ketidakpuasan hati disuarakan. Mahkamah juga berfungsi sebagai penegak keadilan

Mahkamah menyediakan perkhidmatan penting kepada komuniti dengan menginstitusikan konflik tersebut melalui satu prosedur dan forum yang dipersetujui bersama

Pusat Tahanan, Pusat Kebajikan Masyarakat dan penjara

Memastikan tahanan menerima program pemulihan yang bersesuaian

Agen Kawalan Sosial yang turut memainkan peranan dalam proses sosialisasi

Setelah melalui prosedur di mahkamah, pesalah akan dijatuhi hukuman.

Terdapat empat bentuk hukuman iaitu balasan (*retribution*), pencegahan (*deterrence*), pemulihan (*rehabilitation*) dan kawalan (*societal protection*) (Lillyquist M.J, 1980).

## BENTUK HUKUMAN

## BENTUK PELAKSANAAN

## CATATAN

Balasan  
(retribution)

Balas dendam moral oleh masyarakat kepada pelaku. Mangsa atau pihak mangsa jenayah boleh menuntut ganti atau pembalasan akibat perbuatan yang dilakukan oleh pesalah

Masyarakat sebagai keseimbangan moral dan hukuman hendaklah dijalankan mengikut ukuran keteraturan moral

Pencegahan  
(deterrence)

Individu melakukan jenayah akan ditangkap.

Memberi kesan kepada individu dan juga masyarakat. Memastikan undang-undang berfungsi secara optimum.

Pemulihan  
(rehabilitation)

Pesalah disosialisasikan semula supaya diterima oleh masyarakat. Contohnya modifikasi kelakuan untuk golongan pesalah juvana

Pelaku atau devian belajar untuk mematuhi peraturan.

Kawalan (societal protection)

Pesalah-pesalah dipenjarakan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Hukuman yang dianggap agak efektif

## **Kawalan Sosial Tidak Formal**

Biasanya ditunjukkan dalam bentuk pendapat umum melalui pujian dan teguran, misalnya seorang pelajar yang didapati menconteng sesuatu yang lucu di atas mejanya perlu ditegur. Berbeza daripada Kawalan Sosial Formal, pujian dan teguran yang diberikan oleh masyarakat kepada mereka yang patuh atau yang melanggar norma sosial tidak ditetapkan, ia bergantung kepada situasi-situasi tertentu.

Terdapat empat jenis Kawalan Sosial Tidak Formal seperti berikut:

1. Penggunaan ganjaran sosial seperti naik pangkat. Insentif seperti ini adalah untuk menggalakkan ahli-ahli dalam kelompok mematuhi nilai-nilai dan norma-norma yang ditetapkan.
2. Penggunaan kawalan sosial negatif seperti hukuman atau kritikan
3. Penggunaan pujukan, iaitu dengan cara menimbulkan keinsafan pada diri individu yang telah menyeleweng.
4. Norma masyarakat ditakrif mengikut kehendak individu terutamanya oleh individu yang berstatus tinggi.

Teori-teori kawalan sosial mengandaikan bahawa masyarakat perlu mengawal sifat-sifat manusia yang cenderung kepada sifat haiwan. Untuk mewujudkan dan mengekalkan peraturan sosial dalam masyarakat, kecenderungan manusia mengejar kepentingan diri sehingga berlaku perang di antara satu sama lain mestilah dihadkan. Tanpa kawalan sosial manusia akan melakukan keganasan dan berbagai tindakan yang mementingkan diri sendiri, seperti perbuatan membunuh, merompak, menyamun, menipu dan sebagainya.

## **PERANAN AGEN-AGEN SOSIALISASI**

Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan bahawa Sosialisasi bermaksud proses mendidik seseorang untuk menyesuaikan diri dengan suasana (sikap, nilai dan sebagainya) yang dapat diterima dalam masyarakat.

Hassan Mustafa pula mendefinisikan sosialisasi sebagai satu konsep umum yang boleh diertikan sebagai sebuah proses dimana kita belajar melalui interaksi dengan orang lain, tentang cara berfikir, merasakan dan bertindak, dimana kesemuanya merupakan hal-hal yang sangat penting dalam menghasilkan partisipasi sosial yang efektif. Sosialisasi merupakan proses yang berterusan dalam hidup kita.

Sosialisasi menurut Macionis J.J(2002) ialah proses pengalaman sosial berpanjangan di mana individu mengembangkan potensi masing-masing dan belajar corak kebudayaan mereka.

Sosialisasi boleh dibahagi kepada dua iaitu Sosialisasi Primer (dalam keluarga) dan Sosialisasi Sekunder (dalam masyarakat). Menurut Goffman kedua proses tersebut berlangsung dalam institusi, iaitu tempat tinggal dan tempat bekerja. Dalam kedua institusi tersebut, terdapat sejumlah individu dalam situasi yang sama, terpisah dari masyarakat luas jangka tertentu, bersama-sama menjalani hidup yang terkongkong dan diatur secara formal.

Agen-agen sosialisasi terbahagi kepada dua iaitu institusi dan individu. Institusi adalah satu bentuk unit sosial yang memfokuskan pada pemenuhan satu bentuk keutuhan masyarakat. Misalnya keluarga, agama, sekolah, dan

media massa (majalah, televisyen dan radio). Individu pula melibatkan kakak, adik, ayah, ibu, teman, guru, kelompok hobi dan sebagainya. Berikut adalah agen-agen sosialisasi:

## Keluarga



Keluarga merupakan institusi yang terpenting dalam kehidupan seorang kanak-kanak. Keluarga adalah agen sosialisasi yang banyak mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Lazimnya ibu bapa akan mengajar anak-anaknya mengenai apa yang harus dilakukan dan apa yang harus dijauhi. Daripada ibu bapa, kanak-kanak itu akan mempelajari kemahiran, sikap, norma dan nilai-nilai seperti kejujuran, amanah, rajin, bersih dan hormat menghormati. Kanak-kanak semasa dilahirkan diibaratkan seperti sehelai kain putih. Ini bermakna kanak-kanak itu tidak jahat dan tidak baik. Bagaimana personalitinya dibentuk adalah bergantung kepada keluarganya, rakan sebayanya, sekolahnya dan unsur-unsur lain yang terdapat dalam alam sekitarnya. Pada peringkat awal, kanak-kanak menghabiskan sebahagian besar masanya dengan keluarganya.

Dalam memberikan pendidikan moral, ibu bapa harus menggunakan pendekatan yang fleksibel, di mana mereka mesti bijak dalam menimbangkan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh anak-anak mereka. Sebagai ibu bapa, mereka mestilah mampu mentaksirkan atau mengaplikasikan gaya keibubapaan mengikut kesesuaian keadaan atau situasi. Cara ibu bapa mengasuh anaknya adalah berbeza.

Ibu bapa yang garang dan autokratik, anak-anak membesar menjadi individu yang patuh, pasif, takut memberi pandangan dan kurang berinisiatif. Sebaliknya, ibu bapa yang bersifat *laissez-faire* atau terlalu berlembut dengan anak serta cepat melayani segala permintaan mereka akan mendapati bahawa anak-anak itu akan membesar menjadi individu yang kurang bertanggung jawab, terlalu bergantung kepada orang lain, kurang berikhtiar dan kurang menghormati orang-orang tua.

Terdapat tiga gaya asuhan ibubapa dalam membentuk sosialisasi dan insan bermoral iaitu autokratik, demokratik dan *laissez-faire*. Setiap stail ada kekuatannya dan ada juga kelemahannya. Kebijaksanaan ibu bapa menyesuaikan antara keperluan mengikut situasi yang sesuai akan memberikan impak yang terbaik. Ada ketikanya ibu bapa boleh menggunakan:

i. Autokratik

Misalnya seorang bapa yang terlampau bengang akan anaknya yang tidak berhenti menangis, lantas jalan terakhir untuk menghentikan anaknya menangis ialah dengan mengatakan hantu gemar kepada kanak-kanak yang gemar menangis. Maka anak itu, kerana rasa takutnya kepada hantu akan berhenti daripada menangis. Bagi jangka pendek di peringkat usia kanak-kanak mungkin ianya berjaya, tapi dalam jangka panjang, ia boleh menjelaskan keyakinan diri individu apabila remaja, mereka ini senantiasa dibayangi ketakutan dan ini boleh membentuk perasaan keraguan diri atau perasaan lembik dan pengecut.

Mengikut Erikson, seorang ahli psikiatrik, usia remaja adalah tempoh mencari identiti. Pada usia ini mereka cuba menjawab persoalan diri sendiri

seperti “Siapa saya?”. Bagaimana seimbang pun seorang remaja, ketika itu mereka tetap mengalami perasaan keraguan diri, perasaan ingin memberontak dan melawan. Bayangkan jika remaja itu membesar dalam keadaan sering diherdik, dimarah, dibuli sejak kecil, tidakkah perasaan memberontak dan ingin berlawan akan wujud di dalam diri mereka berlebih-lebihan?

## ii. Demokratik

Dalam kontek ini ibu bapa perlu mengamalkan sikap toleransi dalam berbagai perkara yang ingin dilakukan oleh anak mereka. Menyakini bahawa kongkongan yang berlebihan tidak banyak membantu mereka membangunkan anak-anak menjadi seorang yang berguna baik kepada diri, keluarga mahupun masyarakat. Ibu bapa seharusnya memberi kelonggaran dan menghormati hak kanak-kanak, secara tidak langsung ini dapat membantu kanak-kanak tersebut meningkatkan daya kreativiti, jangan memarahi anak-anak jika cadangan kita sebagai ibu bapa tidak dipatuhi. Ibu bapa sewajarnya menghargai kebolehan anak-anak dalam melakukan sesuatu.

Anak-anak itu unik, jadi perlu diberi sedikit kebebasan untuk menentukan haluan hidup mereka. Ibu bapa harus memberi peluang untuk anak-anak menuruti keinginannya selagi tidak bertentang dengan nilai-nilai mulia dan akhlak yang baik.

Keluarga yang bersifat demokratik, sentiasa berbincang secara terbuka, melibatkan anak dalam membuat keputusan seperti menentukan tempat peranginan yang hendak dikunjungi serta menerangkan sebab-sebab mengapa anak-anak dihukum akan berjaya membentuk individu yang lebih tinggi

keyakinan dirinya. Selain itu anak-anak itu juga lebih aktif, bersopan santun, gemar berkongsi satu-satu masalah dan lebih bersifat mementingkan hal lahiriah daripada hal batiniah diri sendiri (*ektrovert*). Misalnya dalam memilih pakaian, ibu bapa harus menggalakkan anak-anak memilih pakaian yang mereka suka namun di samping itu dorongan dan pandangan haruslah diberi dalam memilih yang sesuai dengan nilai moral dan agama.

iii. *Laissez-faire*

Ibu bapa yang memberi kebebasan yang berlebih-lebihan kepada anak-anak mereka, dengan beranggapan dan berkeyakinan anak-anak mampu untuk memikirkan manakah yang baik untuk diri mereka dan mampu membezakan antara yang baik dan buruk sebenarnya telah melakukan kesilapan yang besar. Ibu bapa juga dipersalahkan seandainya berasa terlalu yakin terhadap pendidikan dan pelajaran yang telah diberi kepada anak-anak mereka di samping mempercayai mereka boleh berfikir dengan waras dalam sesuatu perkara atau keadaan tanpa pengawasan daripada ibu bapa.

Memberi kebebasan yang berlebihan kepada anak-anak seperti memberi wang berlebihan, umpamanya boleh menyebabkan anak-anak terperangkap dengan dadah, arak dan rokok. Kebebasan berkawan tanpa pengawasan memungkinkan anak-anak memilih rakan-rakan yang jahat dan sesat, mereka bersama-sama merancang perbuatan yang tidak diingini dan melakukan segala yang diharamkan oleh agama.

## Sekolah



Apabila kanak-kanak bersekolah, interaksinya dengan masyarakat menjadi bertambah luas. Mereka bukan sahaja memahami peraturan-peraturan dan amalan-amalan keluarganya, malah sedar bahawa alam persekolahan juga mempunyai peraturan-peraturan yang ketat yang memerlukan mereka berkelakuan baik. Di sekolah, kanak-kanak bukan sahaja belajar sosialisasi secara formal yang ditentukan oleh kurikulum sekolah tetapi mereka juga melalui kurikulum tersembunyi dengan cara menyesuaikan diri dalam suasana baru sekolah seperti beratur mengikut giliran, mengikut peraturan, bekerjasama dengan orang lain dan bersaing dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Guru-guru dan rakan sebayanya menjadi individu yang penting kepadanya.

Guru-guru turut berperanan sebagai individu penting selepas ibu bapa dalam perkembangan moral anak-kanak. Cara pentadbiran sekolah, persekitaran sekolah, personaliti dan pergaulan guru besar dan guru lain, termasuk kakitangan sekolah mempunyai pengaruh terhadap perkembangan moral kanak-kanak di sekolah. Bagi melahirkan pelajar yang berkualiti, guru mestilah menerapkan nilai moral merentasi kurikulum. Melalui kaedah pengajaran, guru harus dapat menarik minat pelajar terhadap pelajaran dan mengaitkan mata pelajaran dengan nilai hidup.

Pemupukan nilai-nilai murni juga disisipkan melalui semua mata pelajaran dan diperkuuhkan melalui kegiatan kokurikulum. Di dalam pendidikan kesusasteraan pengajian sastera dan sejarah, guru dapat mengukuhkan binaan moraliti dalam diri seseorang pelajar. Amalan kerja berpasukan dibawah

pengawasan guru juga menggalakkan pelajar bekerjasama seterusnya amalan tersebut akan menjadi sebatи dengan jiwa pelajar.

## Agama



Agama dilihat sebagai salah satu agen sosial kerana agama adalah salah satu institusi besar dalam kehidupan masyarakat. Ajaran keagamaan yang suci akan diharmonikan oleh kesimbangan serta kedudukan yang sejajar dengan negara. Agama kerap berada di bawah dominasi negara.

Michael Lowy (2003) menyatakan bahawa “perselisihan yang dipandu oleh masalah agama kini mengancam kehidupan pelbagai bangsa kita. Sejarah kehancuran masyarakat lantaran api kebencian membakar perasaan penganut agama. Jauh dari kebencian itu, ada permasalahan yang mendasar yang terus menerus ditanam. Kekuasaan yang seharusnya melindungi bersama-sama dengan kaum pemodal telah menjadikan agama di bawah pengaruh kekuasaannya. Agama dipaksa melayani keperluan, baik penguasa maupun pemodal. Adalah terlihat ketidakadilan”.

Agama dilihat sebagai satu agen penting dalam mengawal kehidupan sosial manusia dan ia perlu menjadi momentum agar mampu memaksimumkan fungsi agama di dalam kehidupan bermasyarakat.

Proses kemunculan agama Buddha misalnya bermula dengan perjalanan Sidharta Gautama melihat realiti kehidupan manusia di luar istana. Kong Hu Cu

juga melakukan hal yang sama dengan Sidharta Gautama. Tidak terkecuali juga dengan Nabi Muhammmad SAW yang melakukan pertapaan di Gua Hira' lantaran kemuakannya melihat keadaan sosial masyarakat Arab ketika itu. Malaikat Jibril membawakan wahyu kepadanya.

Agama dilihat sebagai agen yang begitu mendasar dan berupaya untuk mengawal perubahan kehidupan sosial masyarakat. Fakta sejarah (*historical fact*) mengarahkan kita kepada sebuah pemahaman bahawa agama dilahirkan untuk kepentingan manusia sekaligus sebagai pegangan hidup (*way of life*) serta membimbing manusia menjalani kehidupan. Agama merupakan lonjakan kepada sebuah kerangka kehidupan yang lebih baik, harmoni dan berperikemanusiaan.

Gejala sosial yang berleluasa dan peningkatan kadar jenayah yang sinonim dengan dengan kehidupan masyarakat yang primitif. Situasi ini merupakan muara dimana agama berperanan sebagai agen sosial pada kedudukan yang tepat bagi mengharmonikan sebuah masyarakat.

Kekurangan pemahaman beragama merupakan antara faktor terpenting perlunya diterapkan kefahaman yang sebenar tentang konteks beragama. Ramai yang menyedari peri pentingnya beragama namun sebilangan besar gagal mengaplikasikannya di dalam kehidupan bermasyarakat. Pegangan agama perlu seimbang dengan kefahaman beragama agar kehidupan yang diinginkan dapat dicapai.

## **Media Massa**



Terdapat pandangan yang menyatakan media massa mempunyai pengaruh sosialisasi yang sama seperti pengaruh rakan sebaya dan sekolah. Media massa yang merangkumi surat khabar, majalah, radio dan televisyen boleh meninggalkan kesan yang negatif dan positif kepada sosialisasi seseorang. Pengaruh baik atau buruk yang diterima oleh kanak-kanak melalui media massa banyak bergantung kepada jenis bahan atau unsur yang didedahkan kepada mereka.

Rancangan-rancangan televisyen yang mempunyai tema yang baik seperti cerita di mana orang yang baik selalu mendapat kejayaan dan sebaliknya orang jahat menerima hukuman atau balasan dapat membantu perkembangan pertimbangan moral kanak-kanak. Kanak-kanak patut digalakkan untuk menonton rancangan sedemikian. Selain itu, sebagai ibu bapa dan guru yang bertanggungjawab, mereka perlu mendidik kanak-kanak supaya bijak memilih bentuk rancangan televisyen dan bahan-bahan bacaan yang baik dan sesuai untuk mereka.

## **Rakan Sebaya**



Seseorang kanak-kanak juga dipengaruhi oleh rakan sebayanya. Apa yang mereka cakapkan, lakukan, bahasa yang digunakan, semua ini akan meninggalkan kesan ke atas kanak-kanak. Proses ini berlaku dalam sosialisasi sekunder. Sosialisasi melalui rakan sebaya adalah yang paling efektif berbanding dengan sosialisasi melalui keluarga mereka kerana sosialisasi rakan sebaya berlaku

secara tidak formal dan tidak sengaja. Kumpulan rakan sebaya adalah kumpulan yang mengandungi individu yang biasanya mempunyai umur dan taraf yang hampir sama. Kumpulan rakan sebaya boleh jadi kumpulan bermain kanak-kanak, satu geng, atau satu '*clique*'.

Aktiviti kumpulan rakan sebaya adalah berbentuk sukarela, ahlinya terdiri daripada yang sama taraf dan dipilih berdasarkan suka sama suka. Dalam kumpulan rakan sebaya mereka suka tanpa diganggu oleh pihak yang lebih berkuasa seperti ibu bapa atau sekolah. Mereka belajar berdikari dan membentuk peraturan, nilai dan norma kumpulan tersendiri. Kumpulan rakan sebaya, terutama peringkat remaja, mempunyai pengaruh kuat ke atas tingkah laku individu. Kesan buruk rakan sebaya boleh berlaku apabila ahli kumpulan dikehendaki menolak nilai-nilai ibu bapa dan masyarakat, dan mengikut nilai norma kumpulannya.

Pada peringkat remaja ahli kumpulan rakan sebaya biasanya mempunyai sub-budaya tertentu, mereka mempunyai cara bercakap, jenis-jenis pakaian, muzik, nilai dan norma kumpulan rakan sebayanya. Jurang generasi kerap berlaku pada peringkat ini. Walau bagaimanapun harus diingat bahawa tidak semua kumpulan rakan sebaya membelakangkan nilai dan norma yang dipegang oleh keluarga dan masyarakat.

Terdapat kumpulan rakan sebaya yang diwujudkan dengan bantuan dan restu daripada keluarga ahli-ahli kumpulan rakan sebaya masing-masing. Adalah didapati kumpulan rakan sebaya hari ini memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi individu berbanding dengan masa dahulu. Pengaruh keluarga pula semakin berkurangan. Pada peringkat ini ibu bapa harus meletakkan diri

seperti rakan pada anak-anak supaya mereka mampu berkongsi masalah dan cerita peribadinya.

Rumusannya, setiap agen sosial mempunyai peranan masing-masing bagi membentuk individu yang mantap dari segi nilai-nilai murni sebelum berada di tengah-tengah kelompok masyarakat. Masyarakat yang harmoni dengan kelompok masyarakat yang bebas dari sebarang masalah sosial.



## Tambahan



**Aktiviti**  
**Pelajar diminta untuk membentuk kumpulan dan membincangkan Peranan Agen-agen Sosialisasi bersama ahli kumpulan**




## Latihan Pengukuhan 1

Soalan 1 hingga 5 berpandukan jawapan yang disediakan di dalam kotak dibawah ini.

Norma Sosial	Sosialisasi	Rakan sebaya
Ditaati bersama		Demokratik

1. Sila isi jawapan di ruangan yang bertanda X.



X merujuk kepada .....

2. Kawalan Sosial berfungsi sebagai pengukuh ..... akibat ketidakseimbangan dalam aturan sosial.
3. ..... bermaksud proses mendidik seseorang untuk menyesuaikan diri dengan suasana.
4. Ibu bapa menggunakan tiga gaya dalam membentuk sosiialisasi pada diri anak-anak iaitu autokratik, ..... dan *laissez-faire*.

5. Sosialisasi Sekunder berlaku di kalangan kanak-kanak dan remaja melalui .....
6. Kawalan sosial terbahagi kepada empat bahagian. Manakah yang berikut tidak berkaitan dengan Kawalan Sosial?
- A. Kawalan Sosial Positif
  - B. Kawalan Sosial Negatif
  - C. Kawalan Sosial Tidak Formal
  - D. Kawalan sosial secara mencapah
7. Agen-agen sosial memainkan peranan yang besar di dalam kehidupan seseorang individu. Manakah antara berikut adalah agen-agen sosial tersebut?
- A. Keluarga, sekolah, rakan sebaya dan agama
  - B. Sekolah, rakan sebaya, agama dan budaya
  - C. Sekolah, media massa, agama dan budaya
  - D. Keluarga, sekolah, rakan sebaya dan ilmu
8. Individu yang bertanggungjawab lahir daripada sebuah keluarga yang bahagia. Manakah antara berikut mempengaruhi berlakunya kepincangan sebuah keluarga?
- A. Prinsip dan pegangan hidup yang menjadi panduan
  - B. Memberi kemewahan yang keterlaluan
  - C. Hubungan kekeluargaan yang erat
  - D. Pemantapan ilmu dan akal

9. Kawalan Sosial digunakan seseorang individu terhadap seseorang yang tidak patuh kepada norma-norma masyarakat. Antara berikut yang manakah Kawalan Sosial Positif?


- |             |                          |
|-------------|--------------------------|
| A. Sindiran | C. Tekanan Ekonomi       |
| B. Ganjaran | D. Menggunakan kekerasan |

10. *"Pengaruh baik atau buruk yang diterima oleh kanak-kanak melaluinya bergantung kepada bahan atau unsur yang didedahkan pada mereka. Rancangan-rancangan mempunyai pelbagai tema"*. Ini menjelaskan salah satu agen sosial. Apakah agen sosial tersebut?

- |            |                |
|------------|----------------|
| A. Agama   | C. Keluarga    |
| B. Sekolah | D. Media massa |

## **Latihan Pengukuhan 2**

### **TEKA SILANG KATA**



### **Melintang**

1. Sesuatu yang berkaitan dengan tingkah laku yang menjadi rutin.
2. Peringkat norma sosial yang merupakan perbuatan yang berulang kali.
3. Tempat belajar sosialisasi secara formal yang ditentukan oleh kurikulum dengan cara menyesuaikan diri dalam suasana baru.
4. Peringkat norma sosial yang merupakan suatu bentuk perbuatan tertentu yang dilakukan individu dalam suatu masyarakat tetapi tidak secara terus menerus.

## **Menegak**

5. Proses individu mempelajari dan menerima nilai, sikap, kemahiran oleh masyarakat bagi membentuk personaliti.
6. Merupakan agen kawalan sosial formal yang berfungsi sebagai penegak keadilan.
7. Individu yang melakukan jenayah akan ditangkap merupakan bentuk hukuman \_\_\_\_\_.
8. Gaya asuhan ibubapa dalam membentuk sosialisasi yang mengamalkan sikap toleransi dalam berbagai perkara yang ingin dilakukan oleh anak mereka.

### **Latihan Pengukuhan 3**

Sila kenal pasti sama ada pernyataan berikut BENAR atau SALAH.

1. Hasil kesepakatan bersama adalah ciri norma sosial yang merupakan peraturan sosial yang ditugaskan untuk mengarahkan perilaku seluruh anggota masyarakat. (BENAR/ SALAH)
2. Norma Sosial adalah kebiasaan umum yang menjadi perilaku dalam suatu kelompok masyarakat dan batasan wilayah tertentu. (BENAR/ SALAH)
3. Laissez-faire merupakan ibu bapa yang mengongkong anak-anak kerana beranggapan anak-anak tidak mampu untuk memikirkan manakah yang baik untuk diri mereka. (BENAR/ SALAH)
4. Kawalan sosial positif adalah amaran atau ancaman yang diterima oleh seseorang yang mematuhi apa yang diharapkan oleh masyarakat. (BENAR/ SALAH)
5. Kawalan sosial formal melibatkan sistem tatacara dan sistem autoriti seperti peraturan, undang-undang dan peranan agen-agen seperti polis, mahkamah, pusat tahanan atau pusat kebajikan masyarakat. (BENAR/ SALAH)

## Latihan Pengukuhan 4

### MENCARI PERKATAAN TERSEMBUNYI

A	N	N	G	E	L	O	B	S	T	A	R	S	A	Y	Y	O	N	U	R	K
Q	L	A	I	H	Q	H	P	O	L	I	S	H	D	E	L	D	A	E	S	
W	Z	Q	O	J	W	K	Q	A	M	G	Q	J	F	R	A	F	S	R	E	
E	X	P	P	K	E	J	W	S	Q	H	W	K	T	T	I	G	A	T	B	
R	C	E	A	L	R	K	E	D	W	J	E	A	G	Y	S	H	U	Y	U	
T	V	M	S	Z	T	L	R	F	E	K	K	L	H	U	S	J	T	U	A	
Y	B	U	D	X	Y	Z	T	G	W	A	R	Q	J	I	E	K	O	I	A	
U	N	L	F	C	U	X	Y	H	R	L	T	W	K	O	Z	L	K	O	R	
I	M	I	G	V	I	C	U	A	T	Z	Y	E	L	P	F	Z	R	P	T	
O	Q	H	H	B	O	V	Y	J	Y	X	U	R	Z	A	A	X	A	A	K	
P	W	A	J	N	P	S	I	K	U	C	I	T	X	S	I	C	T	S	A	
A	E	N	K	M	A	B	O	L	I	K	O	Y	C	D	R	V	I	D	C	
S	R	W	L	M	A	N	P	Z	O	V	E	U	V	F	E	N	K	F	E	
D	T	E	A	W	S	M	A	X	P	B	P	L	B	G	S	W	D	G	D	
F	Y	R	S	E	D	M	S	C	A	N	A	I	U	H	R	E	F	H	F	
G	U	T	D	R	F	Q	D	V	S	M	S	O	N	A	A	R	G	J	G	
H	I	Y	F	T	G	W	F	B	D	Q	D	P	M	J	R	T	W	K	H	
J	O	U	G	Y	H	E	G	N	F	W	F	A	Q	K	A	G	E	L	E	
K	P	P	E	M	U	L	A	U	A	N	G	S	E	L	R	Y	A	O	R	
Q	W	E	R	T	Y	U	I	O	P	A	S	D	F	G	H	J	W	E	T	

### SOALAN

1. Dikenali sebagai sosialisasi sekunder.
2. Gaya asuhan ibubapa dalam membentuk sosialisasi yang boleh menjelaskan keyakinan diri individu.
3. Agen kawalan sosial normal yang rasmi mengambil tindakan undang-undang dalam menjamin keadilan kehidupan bermasyarakat.
4. Bentuk hukuman di mana pesalah disosialisasikan semula supaya diterima oleh masyarakat.

5. Agen sosialisasi yang paling dekat dan banyak mempengaruhi perkembangan kanak-kanak.
6. Jenis kawalan sosial negatif di mana tidak menegur atau menjauhkan diri dengan menghantar ke tempat asing seperti pulau.
7. Memberi kebebasan yang berlebihan kepada anak-anak.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim M. Ali (2001). *Ilmu Pendidikan DPM, Kuala Lumpur*: Utusan Publication &Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Halim Abdul Jalil (1990). *Masalah Perkembangan & Tingkah Laku Kanak-kanak, Kuala Lumpur*: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Chang Lee Hoon (2001). *Pendekatan dalam Pendidikan Moral*. Fakulti Pendidikan, UniversitiMalaya
- Ee Ah Meng (1998). *Bimbingan dan Kaunseling II*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Eow Boon Hin (2000). *Pendidikan Moral, Kuala Lumpur*: Pearson Education Malaysia Sdn Bhd.
- Fuller J.R (1998). *Criminal Justice: A Peacemaking Perspective*. Boston: Allyn and Bacon.
- Hasan Mohd Ali (2000). *Mendidik Anak-Anak, Kuala Lumpur*: Sabha DTP Services Sdn Bhd.
- Hasan Hj. Mohd. Ali (1996). *Checklis Keluarga Bahagia, Kuala Lumpur*: Utusan Publication &Distributor Sdn. Bhd.
- Lillyquist M.J (1980). *Understanding and Changing Criminal Behavior*. New Jersey: Prentice Hall
- Mohd. Fadzilah Kamsah & Rahmat Ismail (1996). *Kecemerlangan Mendidik Anak, Kuala Lumpur*: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Reduan Aslie (1990). *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaian*. AMKInteraksi Sdn Bhd.
- Noraini Ahmad (2000). *Kaunseling Remaja, Kuala Lumpur*: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Rokiah Ismail (2002). *Kawalan Sosial dan Pelbagai Dimensi Fungsinya dalam StrategiMenangani Masalah Jenayah dan Delinkuensi di Malaysia*. Dlm Rahimah Abd. Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail. *Masyarakat, Budaya dan Pemodenan. Bangi*: Penerbit UniversitiKebangsaan Malaysia.
- Roucek J.S (1956). *Social Control*. Canada; D. Van Nostrand Company Inc.

Rozumah Baharudin & Siti Nor Yaacob (1999). *Menyelesaikan masalah Disiplin Anak Anda*, Singapore: Times Books International.

Idianto Muin (2013), *Sosioalogi untuk SMA/MA Kelas X, Kelompok Peminatan Ilmu-ilmu Sosial*, Jakarta: Erlangga.Hal 108-114.

**Terbitan**



e ISBN 978-967-2099-68-0

9 7 8 9 6 7 2 0 9 9 6 8 0